

700 penduduk risau risiko tanah runtuh

26/10

UM-12

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 25 OKT.


KIRA-KIRA 700 buah keluar-ga dari dua buah taman perumahan di Paya Terubong di sini hidup dalam keimbangan berhubung risiko tragedi tanah runtuh daripada projek perumahan di lereng bukit yang dirancang berhampiran mereka.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Seri Rambai dan Taman Lau Geok Swee, Dr. Ti Lian Goh berkata, kerja-kerja pemotongan lereng bukit bagi projek pembinaan itu hanya mempunyai jarak kira-kira 200 meter daripada rumah penduduk.

Katanya, pada ketika ini juga, penduduk sudah berdepan masalah banjir lumpur setiap kali hujan lebat akibat kerja pemotongan bukit itu selain tragedi tanah runtuh yang menghempap tokong kecil Julai lalu.

Beliau berkata, penduduk sebelum ini dimaklumkan kerja-kerja pemotongan bukit itu adalah bagi projek perumahan setinggi enam tingkat.

Bagaimanapun, katanya, pada Disember 2015, penduduk menerima notis memaklumkan kepada datan projek itu ditambah kepada empat blok bangunan masing-



PENDUDUK di kawasan Perumahan Taman Seri Rambai bimbang risiko tragedi tanah runtuh daripada projek perumahan di lereng bukit yang dirancang berhampiran kawasan perumahan mereka di Taman Seri Rambai, Paya Terubong, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM

masing tiga blok 47 tingkat dan satu blok 41 tingkat.

“Kami sangat terkejut bagaimana projek berkepadatan tinggi sebegini boleh diluluskan di tepi lereng bukit yang jaraknya terlalu hampir dengan rumah penduduk.

“Apakah kerajaan negeri tidak memikirkan soal keselamatan kami dengan sewenang-wenangnya memberi kebenaran kepada pemaju?” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas meninjau keadaan lereng

bukit itu di Taman Seri Rambai dan Taman Lau Geok Swee di Paya Terubong di sini.

Yang turut hadir, Naib Pengerusi Gerakan negeri, Oh Tong Keong dan Timbalan Setiausaha MCA Bahagian Bukit Gelugor, Choong Jun Jie.

Dalam pada itu, Tong Keong menggesa Kerajaan DAP Pulau Pinang mendengar keluhan penduduk di situ apatah lagi selepas berlakunya tragedi tanah runtuh di Tanjung Bungah yang mengorbankan 11 nyawa baru-baru ini.